

## **LATAR BELAKANG**

Unit Pendidikan Pencegahan Dadah telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1982 setelah Negara mengistiharkan 'Dadah Adalah Ancaman Kepada Keselamatan Negara' dan 'Dadah Musuh Utama Negara'. Seorang pegawai telah dilantik dengan gelaran Pegawai Khas (Mencegah Salahguna Dadah) dan diletakkan terus di bawah Pengarah Pendidikan Negeri.

Pada tahun 1986, penstrukturan semula Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri telah dilaksanakan. Lima sektor telah ditubuhkan untuk mengurus Perkhidmatan Pendidikan keseluruhannya dan Unit Pendidikan Pencegahan Dadah diletakkan di bawah Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan bersama Unit Hal Ehwal Murid dan Unit Kokurikulum.

Unit ini bertanggungjawab secara keseluruhannya mentadbir, mengurus dan menyelia hal-hal pendidikan pencegahan dadah bagi warga pendidikan dan murid sekolah di seluruh negeri Perak.

## **VISI UNIT PPDa**

Unit PPDa berhasrat menjadi sub institusi yang menggerakkan komitmen dan kerjasama warga sekolah untuk bertindak secara bersepadu bagi merealisasikan matlamat Sekolah Bebas Dadah pada tahun 2012.

## **MISI UNIT PPDa**

Merancang, menyelaras, memantau dan menilai aktiviti pendidikan pencegahan dadah sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan bagi membentuk ketrampilan sahsiah pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Melahirkan pelajar bebas daripada dadah melalui pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah yang mantap dan berkesan dalam memastikan sekolah bebas daripada dadah.

## **MATLAMAT PPDa**

Matlamat Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah ialah untuk memberi pengetahuan, kemahiran, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru dan kakitangan pendidikan serta ibu bapa agar mereka menjauhi rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV/Aids dan berupaya menentang ancaman dadah dengan meletakkan sasaran “ Sekolah Bebas Dadah Tahun 2012 ”

## **BIDANG TUGAS PPDa**

- **Pendidikan Pencegahan Rokok**
- **Pendidikan Pencegahan Alkohol**
- **Pendidikan Pencegahan Inhalan**
- **Pendidikan Pencegahan Dadah**
- **Pendidikan Pencegahan HIV/Aids**

## OBJEKTIF UNIT PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH

Unit Pendidikan Pencegahan Dadah adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan segala aktiviti Pendidikan Pencegahan dadah, rokok, alkohol, inhalan, HIV/Aids supaya mencapai objektif-objektif seperti berikut :

1. Mempertingkatkan kesedaran tentang bahaya dadah / ancaman penggunaan dadah, rokok, alkohol, inhalan, HIV/Aids di kalangan murid, guru dan ibubapa.
2. Membina kekuatan dalaman murid dan menyediakan mereka dari segi pemikiran dan tindakan supaya menjauhi dadah, rokok, alkohol, inhalan dan HIV/Aids
3. Mengesan murid yang terlibat dengan penggunaan dadah, rokok, alkohol, dan inhalan untuk proses bimbingan pemulihan sahsiah.
4. Memastikan tindakan segera diambil untuk membantu murid yang berisiko tinggi berkaitan penggunaan dadah, rokok, alkohol, inhalan dan HIV / Aids.
5. Memantau dan membimbing, membantu mengawal dan menyelia murid yang terlibat dengan penggunaan dadah, rokok, alkohol, dan inhalan supaya meninggalkan tabiat buruk mereka.
6. Mengesan, membantu, membimbing dan memantau murid supaya tidak terlibat dengan HIV / Aids.
7. Mewujudkan perhubungan dua hala di antara guru dengan ibu bapa, polis, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, PEMADAM, pertubuhan dan agensi lain atau masyarakat sekolah dengan masyarakat luar sekolah di dalam usaha mencegah penggunaan dadah, rokok, alkohol, inhalan dan HIV/Aids.

## **PRINSIP PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH**

1. Semua sekolah rendah dan sekolah menengah hendaklah melaksanakan program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah, meliputi Pendidikan Pencegahan dadah, rokok, alkohol, inhalan dan HIV/Aids.
2. Pendidikan Pencegahan dadah, rokok, alkohol, inhalan, HIV/Aids adalah untuk semua murid, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa.
3. Pengetahuan, kemahiran, nilai, pengalaman, sikap dan kelakuan yang disampaikan kepada murid hendaklah selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
4. Pendekatan yang digunakan hendaklah berupaya meningkatkan disiplin, pembudayaan adab terpuji, pemupukan perpaduan, semangat patriotisme, ketahanan dan jati diri murid.
5. Pendidikan Pencegahan dadah, rokok, alkohol, inhalan dan HIV/Aids adalah menjadi tanggungjawab dan peranan semua warga sekolah.
6. Program Pendidikan Pencegahan dadah, rokok, alkohol, inhalan dan HIV/Aids hendaklah menjurus ke arah “Sekolah Bebas Dadah”

## **STRATEGI PENDIDIKAN** **PENCEGAHAN DADAH**

Hasil mesyuarat antara Menteri Pendidikan dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 2 Januari 1998, beberapa persetujuan mengenai strategi Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah telah dicapai. Strategi utama Pendidikan Pencegahan Dadah yang dimaksudkan ialah melalui Kurikulum dan Kokurikulum.


Lanjutan daripada itu, beberapa proses pemantauan dan pemurnian dijalankan. Hasilnya dua lagi strategi digerakkan sebagai pelengkap kepada strategi yang sedia ada iaitu melalui Pengurusan dan Kepimpinan serta Pembangunan Sahsiah.

- **Kurikulum**
- **Kokurikulum**
- **Pengurusan dan Kepimpinan**
- **Pembangunan Sahsiah**

### **TEMA :**

**1 MALAYSIA MEMBANTERAS DADAH**

## TAHAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH



## **FUNGSI UTAMA UNIT PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH**

1. Merancang, menyelaras, memantau dan menilai semua program dan aktiviti Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di peringkat negeri, zon dan sekolah.
2. Mengawal selia perkembangan masalah rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV / Aids semasa di sekolah dengan mengumpulkan data dan maklumat yang berkaitan dengan Pendidikan Pencegahan Dadah.
3. Mengadakan lawatan penyeliaan ke sekolah-sekolah untuk memastikan program dan aktiviti Pendidikan Pencegahan rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV / Aids berjalan sebagaimana yang dirancangkan.
4. Menyelaraskan kursus-kursus kejurulatihan untuk memantapkan jentera pelaksana program di peringkat negeri, daerah, dan sekolah serta menganjurkan kursus-kursus bina insan yang berkaitan dengan Pendidikan Pencegahan Rokok, Inhalan, Alkohol, Dadah dan HIV / Aids di kalangan guru, kakitangan dan pelajar Negeri Perak.
5. Bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Bahagian Narkotik Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan, Jabatan Penjara, PEMADAM, dan badan lain yang berkaitan dengan program Pendidikan Pencegahan Dadah.

## **TUGAS-TUGAS UTAMA**

- Mengelola, melaksanakan dan memberi ceramah kepada Pengetua, Guru Besar, guru, ibu bapa, pentadbir sekolah, kakitangan sokongan sekolah dan murid sekolah tentang pendidikan pencegahan rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV / Aids.
- Mengadakan taklimat kepada Pengetua, Guru Besar, guru, ibu bapa, pentadbir sekolah, kakitangan sokongan sekolah tentang tatacara tindakan ke atas kes dadah di kalangan murid dan kakitangan pendidikan.
- Menerapkan Pendidikan Pencegahan Rokok, Inhalan, Alkohol, Dadah dan HIV/Aids melalui kurikulum sekolah dan aktiviti Pendidikan Pencegahan Dadah yang perlu dijalankan di sekolah untuk memastikan “ Sekolah Bebas Dadah Tahun 2012 ”.
- Membekalkan peralatan untuk menjalankan pameran Pendidikan Pencegahan Rokok, Inhalan, Alkohol, Dadah dan HIV / Aids di peringkat sekolah, daerah dan negeri.
- Menyediakan bahan-bahan sebaran mesej dan publisiti Benci Dadah seperti risalah, poster, kalendar, buku kecil dan sebagainya berkaitan Rokok, Inhalan, Alkohol, Dadah dan HIV / Aids ke sekolah dan daerah.
- Membekalkan buku panduan Pendidikan Pencegahan Dadah, buku senarai semak pemantauan Pendidikan

Pencegahan Dadah, Buku Tatacara Tindakan ke atas kes penggunaan dadah dan Buku Perancangan Strategik kepada pihak sekolah untuk memudahkan pelaksanaan Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah.

- Menjalankan pemantauan bagi memastikan pelaksanaan perkara-perkara berikut :
  - a. Penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah peringkat sekolah, daerah dan negeri.
  - b. Pengurusan dan Kepimpinan dalam Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah sepanjang tahun yang melibatkan guru, kakitangan dan murid sekolah.
  - c. Program-program Perkembangan Staf bagi merealisasikan Tempat Kerja Bebas Dadah.
  - d. Program 5 Minit / Mesej Anti Dadah di semua sekolah menengah dan rendah sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
  - e. Program Pendidikan Pencegahan Dadah dalam Kurikulum.
  - f. Program Pendidikan Pencegahan Dadah dalam kokurikulum.
  - g. Program Pembangunan Sahsiah, Program Pencegahan Awalan dan Program Susulan kepada murid-murid yang berkekaan di sekolah.
  - h. Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) di semua sekolah menengah di seluruh negeri Perak.
  - i. Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) di sekolah rendah secara bersepadu yang terdiri daripada guru, pegawai Agensi Anti Dadah dan pegawai Jabatan Narkotik.

- j. Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR) di sekolah rendah seluruh negeri Perak.
  - k. Program-program Bebas Dadah seperti “Ops Tak Nak”, “No SAD” (No Smoke, Alcohol & Drug), dan sebagainya di sekolah yang telah dikenalpasti dan dibiayai perbelanjaan program tersebut.
- Memastikan Pendidikan Pencegahan Dadah melalui kurikulum dan kokurikulum dijalankan di semua sekolah.
  - Mengutip data murid dan kakitangan pendidikan yang terlibat dengan dadah menggunakan Sistem Maklumat Anti Dadah (SMAD) .
  - Mengkaji dan menyiasat murid berisiko rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV / Aids dan ponteng sekolah.
  - Mengkaji dan menyiasat keberkesanan kursus dan latihan yang dijalankan ke atas murid, guru dan kakitangan pendidikan
  - Mengkajisiasat proses kaunseling yang dijalankan ke atas murid berisiko rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV / Aids di sekolah
  - Merancang, mengurus dan menjalankan kursus dan latihan Pendidikan Pencegahan Rokok, Inhalan, Alkohol, Dadah dan HIV/ Aids untuk Pengetua, Guru Besar, guru, ibu bapa, kakitangan pendidikan dan murid sekolah.
  - Merancang, mengurus dan menjalankan seminar rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV / Aids kepada PIBG.

- Menganjurkan Karnival Pendidikan Pencegahan Dadah peringkat sekolah, daerah dan negeri.
- Berhubung dengan Jabatan Narkotik (Polis) dan Agensi Dadah Kebangsaan untuk mendapatkan maklumat menyelesaikan kes murid, guru atau kakitangan pendidikan yang terlibat dengan dadah.
- Bekerjasama dengan agensi luar dalam menyelaras aktiviti gerak-gempur, pemeriksaan mengejut ujian urin dan serbuan ke tempat murid ponteng sekolah yang disyaki terlibat rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV / Aids.
- Bekerjasama dengan Agensi Dadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara, Jawatankuasa Bertindak Pergerakan Ibu Bapa Dalam Pencegahan Dadah Negeri Perak dan PEMADAM untuk menjalankan kursus dan latihan untuk murid, ibu bapa, guru dan agensi bukan kerajaan.
- Menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri dan Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dari semasa ke semasa.

**PEGAWAI-PEGAWAI  
PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH  
JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>ALAMAT</b>
1.	EN. MOHAMAD HAZAWAWI B. YUSOF	PENOLONG PENGARAH PPDa, JPN PERAK
2.	PN. WIZA ROZHRIN BT. MOHAMED RADZI	PENOLONG PENGARAH PPDa.
3.	EN. ZAILAN BIN ZAINUDDIN	PENOLONG PENGARAH PPDa.
4.	EN. AHMAD KAMARI B. SALLEH	PEJ. PEL. DAERAH BATANG PADANG D/a SMK TAPAH, JALAN BIDOR LAMA, 35000 TAPAH, PERAK D.R.
5.	EN. ZURAIIDI BIN SAMAD	PEJ. PEL. DAERAH MANJUNG, LORONG SELAMAT, 32000 SITIAWAN, PERAK D.R.
6.	EN. MOHAMMAD RASHID B. DIN	PEJ. PEL. DAERAH KINTA UTARA, LEBOH CATOR, 30450 IPOH, PERAK D.R.
7.	EN. AZIZUL KHALILI B. YAHAYA	PEJ. PEL. DAERAH KINTA SELATAN, JLN KUALA DIPANG, 31900 KAMPAR, PERAK.
8.	HAJI ZAINODIN B. HJ. NAPIAH	PEJ. PEL. DAERAH KERIAN, KOM. SEKOLAH WAWASAN, PEKAN BARU, 34200 PARIT BUNTAR, PK.
9.	EN. AZHAR BIN IBRAHIM	PEJ. PEL. DAERAH KUALA KANGSAR, JALAN TUN ABDUL RAZAK, 33000 KUALA KANGSAR, PERAK D.R.
10.	EN. SUNGIP BIN MARKON	PEJABAT PELAJARAN DAERAH HILIR PERAK, JALAN RAJA, 36000 TELUK INTAN, PERAK D.R.
11.	EN. MOHD NAZRI BIN IBRAHIM	PEJ. PEL. DAERAH HULU PERAK, JALAN HAJI MEOR YAHYA, 33300 GERIK, PERAK D.R.
12.	EN. JAMALUDDIN BIN MANSOR	PEJ. PEL. DAERAH LARUT MATANG & SELAMA SERI DIDIK, JALAN TAMING SARI, 34000 TAIPING, PERAK D.R.
13.	EN. JAMAADDIN BIN KAMALUDDIN	PEJ. PEL. DAERAH PERAK TENGAH, SERI ISKANDAR, 32600 BOTA PERAK D.R.

